

Sanggup tukar pemimpin kerana janji

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mendedahkan perbuatan ramai Bumiputera yang sanggup menukar kepemimpinan kerajaan sekarang dengan orang yang berjanji akan menghapuskan hutang mereka serta memberi projek untuk membolehkan mereka menjadi kaya semula.

Katanya, mereka ialah golongan yang menanggung banyak hutang dan menjadi mufliis sewaktu negara mengalami kelembapan ekonomi.

"Bagi mereka Dasar Ekonomi Baru hanya membawa nasib yang lebih malang. Mereka juga mengutuk kerajaan, pegawai kerajaan, dasar kerajaan, bank, bukan Bumiputera, orang asing, kelembapan, politik, penyelewengan dan seribu satu sebab yang lain," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengingatkan rakyat supaya berhati-hati dengan tindakan orang tertentu yang

cuba menghalang usaha kerajaan menjayakan dasar ekonomi yang boleh mengimbangi kedudukan orang Melayu dan Bumiputera dengan kaum lain.

Perdana Menteri berkata, orang tertentu akan tetap mengambil kesempatan daripada usaha kerajaan itu semata-mata untuk kepentingan politik mereka.

"Saya berharap rakyat tahu sebab orang berkenaan membuat tindakan seumpama itu," katanya di majlis makan malam sempena ulang tahun ke-15 Sapura Holdings Sdn Bhd di sini, malam ini.

Beliau berkata, kejayaan sesuatu kaum atau bangsa tidak bergantung kepada warna kulit, keturunan, agama, iklim dan alam sekitar, sebaliknya ia tertakluk kepada kebudayaan dan nilai hidup kaum atau bangsa itu, yang perlu diubahsuai mengikut keperluan semasa.

Katanya, mereka juga perlu

menilai kelemahan diri sendiri dan mengesan punca kegagalan perniagaan yang diusahakan, khususnya di segi pengurusan kewangan, dan berusaha memperbaiki segala kelemahan dan kesilapan itu.

"Kaum Bumiputera akan terus mengalami kekecewaan dalam mengejar kejayaan ekonomi selagi mereka tidak sanggup mengenali kelemahan masing-masing," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan menumpukan perhatian kepada pembentukan nilai Islam bagi memastikan kemajuan kaum Bumiputera yang berterusan.

"Jika umat Islam sekarang mundur, berpecah dan sering meminta-minta walaupun kaya, ia adalah kerana nilai Islam itu lebih banyak disebut daripada diamalkan.

"Bahkan, nilai Islam itu sendiri ditafsirkan oleh orang tertentu untuk kepentingan diri mereka sendiri," katanya.